



## **KENYATAAN**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG**

### **ADUAN PENCEMARAN SUNGAI PUKIN, KERATONG, PAHANG**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang telah **menerima aduan menerusi media sosial** tentang **pencemaran Sungai Pukin, Daerah Rompin, Pahang** yang berlaku **pada 28 Ogos 2023** telah **menyebabkan ikan dan hidupan air mati**. Menurut aduan tersebut, pencemaran sungai itu disyaki berpunca daripada pelepasan kilang kelapa sawit yang terletak di Keratong, Daerah Rompin, Pahang.

Sehubungan itu, JAS Negeri Pahang Cawangan Rompin telah menjalankan siasatan pada 29 Ogos 2023 dan mendapati bahawa pencemaran tersebut berpunca daripada pelepasan efluen kilang kelapa sawit yang tidak terawat ke sungai yang berhampiran.

Persampelan telah dijalankan dari sungai berhampiran kilang kelapa sawit tersebut dan parit berhampiran untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia. Pemantauan dron telah dilakukan untuk memastikan keadaan sungai di hilir lokasi kejadian. Pihak kilang juga telah diarahkan untuk menjalankan pembersihan di parit premis, sungai tanggui/ pukin sehingga selesai. Tiada pelepasan baru dikesan semasa pemantauan sungai terkini pada 01 September 2023.

Premis telah diberikan arahan untuk menghentikan operasi dan memberikan tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan serta memberi pelaporan status pembersihan setiap hari.

Tindakan penguatkuasaan JAS adalah di bawah Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya jika disabit kesalahan boleh dikenakan tindakan **Denda tidak melebihi RM 25,000 atau penjara tidak melebihi Dua Tahun atau kedua-duanya sekali.**

Semua kilang adalah diingatkan untuk memastikan semua alat kawalan pencemaran berfungsi dengan baik dan pengurusan efluen dilaksanakan dengan sempurna bagi mencegah berlakunya pencemaran yang berpotensi memberi risiko kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di **talian bebas 1-800-88-2727** atau **email ke aduan\_k@doe.gov.my** dan melalui **portal e-aduan JAS** di **<https://eaduan.doe.gov.my>**.

Jabatan Alam Sekitar

Negeri Pahang

01 September 2023